

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

1.	TAJUK	SUNGAI SKUDAI TERCEMAR AKIBAT AIR KUMBAHAN
	SUMBER	BH (12 JANUARI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	16 (NASIONAL)

Sungai Skudai tercemar akibat air kumbahan

Johor Bahru: Air kumbahan dari loji rawatan dipercayai punca pencemaran Sungai Skudai berhampiran Kampung Sepakat Baru Skudai, di sini sejak lebih dua minggu lalu.

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor, Dr Mohd Famey Yusoff, berkata siasatan awal mendapati kemungkinan operasi loji berkenaan dipercayai terjejas dan berlaku pelepasan air kumbahan ke dalam sungai.

"Pegawai penyiasat akan meneruskan siasatan untuk mengenal pasti jika ada masalah lain yang menyumbang kepada pencemaran sungai," katanya ketika dihubungi, semalam.

Sementara itu, Ahli Jawatankuasa Pembangunan dan Kese-

lamatan Kampung (JPKK) Kampung Sepakat Baru, Azmi Basiran, berkata pencemaran bau di perkampungan berkenaan berkurangan sejak petang kelmarin.

"Kami berharap isu berkenaan dapat diselesaikan sepenuhnya dan tidak berulang," katanya.

Kelmarin, media melaporkan penduduk Kampung Sepakat Baru yang tinggal berhampiran Sungai Skudai berdepan pencemaran bau sejak lebih dua minggu lalu.

Penduduk turut mengesan pelepasan air berwarna hitam ke sungai berkenaan yang didakwa bukan sahaja mengakibatkan warna air berubah kehitaman, tetapi juga berbau busuk.



Aliran air kumbahan berwarna hitam dilepaskan ke Sungai Skudai dekat Kampung Sepakat Baru Skudai. (Foto Mary Victoria Dass/BH)

2.	TAJUK	LUPUS SISA UBAT DENGAN BETUL ELAK CEMAR ALAM SEKITAR
	SUMBER	BH (13 JANUARI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	13 (MINDA PEMBACA)

Lupus sisa ubat dengan betul elak cemar alam sekitar

Najehah Azman,
Universiti Pendidikan
Sultan Idris (UPSI)

Hidupan air menjadi komponen penting dalam ekosistem bagi menyokong keseimbangan dan kesejahteraan alam sekitar, selain khazanah alam tidak

ternilai harganya.

Sumber itu menjadikan Malaysia kaya dengan biodiversiti marin hingga 83 peratus jenis terumbu karang dunia direkodkan ada di negara ini.

Keindahan ekosistem memberikan banyak manfaat kepada negara seperti taman laut yang menjadi penyumbang terbesar dalam industri pelancongan negara.

Namun, isu pencemaran membangkitkan kebimbangan dalam masyarakat, termasuk kegagalan pelupusan sisa ubat dengan betul.

Sisa ubat tidak diurus baik, pembaziran dan sikap tidak bertanggungjawab rakyat memberi impak negatif terhadap kesihatan hidupan akuatik di negara ini.

Isu ini jarang dititikberatkan dan diberi perhatian masyarakat.

Berikutan isu pembuangan sisa ubat-ubatan ke Sungai Langat di Selangor baru-baru ini, tindakan itu mengancam kualiti air sungai untuk jangka panjang dan menjejaskan hidupnya.

Sampel diambil dari Sungai Langat didapati mempunyai kepekatan sisa farmaseutikal tinggi sehingga tersenarai sebagai antara 20 sungai tercemar.

Carbamazepine, metformin dan kafein antara sisa farmaseutikal dikesan. Sebenarnya sebanyak 43.5 peratus laluan air dunia dicemari bahan buangan ubat-ubatan.

Sisa kimia berisiko tinggi terhadap hidupan akuatik ini sudah mencapai tahap 'keimbangan ekologi' yang merujuk tahap serius dan berisiko tinggi terhadap kesihatan ekosistem.

Tindakan segera perlu dilakukan untuk mengawal ancaman pencemaran kritikal ini.



Menurut Kementerian Kesihatan, pesakit disarankan memulangkan ubat-ubatan tidak digunakan atau tidak diperlukan ke klinik atau hospital berdekatan agar pelupusan boleh dilakukan dengan betul.

Menurut Kementerian Kesihatan (KKM), pesakit disarankan memulangkan ubat-ubatan tidak digunakan atau tidak diperlukan ke klinik atau hospital berdekatan agar pelupusan boleh dilakukan dengan betul.

Sisa dikumpul dilupuskan dengan membakarnya pada suhu tinggi dapat mengelak ia mencemari alam sekitar.

Menurut Timbalan Pengurus Besar Operasi Kualiti Alam Sdn Bhd, Mohd Rizak Zambros, tanur atau relau digunakan sebagai ruang pembakar utama dengan suhu mencecah 1,000 darjah Celsius agar semua sisa ubat dileburkan dengan baik.

Perkhidmatan pemulangan ubat

Bahagian Perkhidmatan Farmasi KKM melaksanakan Program Pemulangan Ubat. Inisiatif ini sudah bermula sejak 2010 untuk mengurangkan masalah pencemaran air di negara kita. Perkhidmatan pemulangan ubat ini tersedia di kebanyakan klinik, pusat kesihatan dan hospital.

Langkah itu dilakukan kerana loji kumbahan dan rawatan air konvensional tidak direka untuk mengurai serta merawat sisa kimia terdapat dalam air kumbahan apabila ubat-ubatan dibuang ke dalam sumber air.

Oleh itu, masih akan ada sisa ubat-ubatan masih tidak terurai dilepaskan ke dalam sumber air. Tindakan itu akan menyebabkan pencemaran dan memberi kesan kepada sistem air.

Meskipun masalah pencemaran sisa ubat ini tidak ketara berbanding pencemaran lain, pemantauan berterusan pihak bertanggungjawab perlu dilakukan.

Setiap individu mempunyai peranan untuk menangani masalah pencemaran ini. Rasa tanggungjawab dan kesedaran masyarakat amat penting bagi mewujudkan negara lestari dan sejahtera.

3.	TAJUK	SUNGAI KABUL TUKAR JADI MERAH JAMBU
	SUMBER	BH (16 JANUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	17 (NASIONAL)

Sungai Kabul tukar jadi merah jambu

LUAS aktifkan kod kuning elak aliran tercemar masuki loji rawatan air

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
ahnews@bh.com.my

Shah Alam: Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mengaktifkan kod kuning selepas mengesan aliran air sungai merah jambu di Sungai Kabul, Beranang, dekat sini.

LUAS dalam kenyataan memaklumkan aliran air merah jambu sepanjang 500 meter itu dikesan ketika pemantauan rutin kira-kira jam 6.40 petang kelmarin di kawasan berkenaan

sebelum.

"Kod Kuning diaktifkan mengikut Manual Kecemasan Pencemaran Sumber Air untuk tindakan siasatan menyeluruh serta pencegahan atau mitigasi segera.

"Ini kerana aliran tercemar tersebut berpotensi memberi impak kepada loji rawatan air (LRA) Sungai Semenyih pada jarak 16.3 kilometer (km)," menurut kenyataan itu.

Kilang disyaki punca

Menurut LUAS, pihaknya segera menjalankan siasatan dan menjejaki sumber kepada aliran tercemar yang disyaki berpunca dari kilang di kawasan perindustrian Beranang.

"Semakan di premis itu menemukan aliran berwarna di titik akhir pelepasan premis sebelum masuk ke Sungai Kabul dan seterusnya ke Sungai Beranang dan Sungai Semenyih.

"Premis berkenaan diarah untuk menghentikan dan menutup pelepasan serta-merta. Surat Arahan di bawah Seksyen 121 (1), Enakmen LUAS 1999 diberikan untuk melaksanakan pembersihan serta-merta di lokasi dan kawasan yang terlibat," katanya.

Pada masa sama, LUAS berkata, pihaknya melaksanakan pensampelan di lokasi berkaitan bagi analisis Jabatan Kimia Malaysia dan tindakan penguatkuasaan lanjut.

Pemantauan statik juga diaktifkan di Sungai Kabul dengan kekerapan setiap 30 minit dan memantau rapi kerja pembersihan oleh premis terbabit sehingga selesai.

"Keadaan semasa adalah terkawal dan pasukan LUAS berada di lapangan bagi tindakan dan mitigasi segera," katanya.

Setakat ini tiada gangguan bekalan air dilaporkan susulan insiden berkenaan.



Pencemaran Sungai Kabul dipercayai berpunca dari premis kilang di kawasan perindustrian di Beranang. (Foto FB LUAS)

4.	TAJUK	PIHAK BERKUASA SIASAT PUNCA SUNGAI JADI MERAH JAMBU
	SUMBER	BH (17 JANUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	20 (NASIONAL)

Pihak berkuasa siasat punca sungai jadi merah jambu

Pemantauan LUAS sehingga di hulu Sungai Kabul dapati bacaan bau serta keadaan air adalah normal

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
bhnews@bh.com.my

Shah Alam: Pihak berkuasa sedang menjalankan siasatan lanjut berhubung insiden air sungai berwarna merah jambu di Sungai Kabul, Beranang, Selasa lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam dan Alam Sekitar, Jambiah Jamaluddin, berkata siasatan itu membabitkan Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ),

Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) bagi mengenal pasti punca palp dan premis yang terbabit.

Pada masa sama katanya, LUAS turut menambah lokasi pemantauan di hulu Sungai Kabul.

"Pemantauan sehingga hari ini (semalam) bacaan bau serta keadaan sungai yang terlibat adalah normal. Pengesanan dan tindakan segera serta susulan proaktif LUAS bersama agensi berjaya memastikan tiada risiko gangguan kepada operasi Loji Rawatan Air (LRA) Semenyih," katanya menerusi hantaran, semalam.

Sementara itu, Jambiah berkata, semakan lanjut di sebuah premis di Kawasan Perindustrian Mahkota, Beranang mendapati punca aliran berwarna merah jambu disebabkan pelepasan air sisa daripada operasi premis itu.

Katanya, kerajaan negeri tidak berkompromi dan akan mengambil tindakan tegas terhadap



aktiviti tanpa kebenaran dan keculan mana-mana pihak yang menimbulkan permasalahan serta mencemarkan sumber air.

Aktifkan Kod Kuning

Terdahulu, media melaporkan LUAS mengaktifkan Kod Kuning selepas mengesan aliran air berwarna merah jambu di Sungai Kabul sepanjang anggaran 500 meter.

Perkara itu dikesan jam 6.40 petang dan kod terbabit diaktifkan mengikut Manual Keceemasan Pencemaran Sumber Air



Kakitangan LUAS memantau keadaan semasa Sungai Kabul selepas insiden air sungai bertukar merah jambu, kelmarin. (Foto ihsan LUAS)

untuk tindakan siasatan menyeluruh serta pencegahan atau mitigasi segera.

Aliran tercemar berpotensi memberi impak kepada LRA Sungai Semenyih pada jarak 16.3 kilometer (km). Semakan di premis terbabit menemukan aliran berwarna di titik akhir pelepasan premis sebelum masuk ke Sungai

Kabul dan seterusnya ke Sungai Beranang dan Sungai Semenyih.

Premis berkenaan diarah menghentikan dan menutup pelepasan serta-merta. Surat arahan mengikut Seksyen 121 (1), Enakmen LUAS 1999 diberikan untuk melaksanakan pembersihan serta-merta di lokasi dan kawasan yang terbabit.

5.	TAJUK	JAS KEDAH SERBU KILANG LANGGAR AKTA KUALITI ALAM SEKELILING
	SUMBER	BH (17 JANUARI 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	20 (NASIONAL)

JAS Kedah serbu kilang langgar akta kualiti alam sekeliling

Alor Setar: Jabatan Alam Sekitar (JAS) Kedah menyerbu lapan kilang di sekitar bandar raya ini dan Sungai Petani, yang disyaki melanggar Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Pengarah JAS Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab, berkata menerusi Op Gempur yang diadakan kelmarin, pihaknya memeriksa kilang elektrik dan elektronik, kilang berasaskan getah dan logam di kawasan terbabit.

Beliau berkata dalam operasi itu, pihaknya mengeluarkan lapan arahan lapangan, sembilan notis arahan dan tujuh kompaun kerana melanggar Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, khususnya berkaitan pengurusan Buangan Terjadual.

“Notis Arahan di bawah Seksyen 31 dan 37 dikeluarkan ke atas premis-premis, khususnya penambahbaikan kawasan stor



Sharifah Zakiah

penyimpanan buangan terjadual dan meningkatkan kebersihan, pelabelan dan kemas kini inventori buangan terjadual.

“Kita nak pastikan pihak industri sentiasa mematuhi keperluan perundangan dan menunjukkan keseriusan JAS dalam penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Sharifah Zakiah berkata, orang ramai boleh melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 atau email ke aduan_k@doe.gov.my dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

“Maklumat yang berkualiti sebaiknya mempunyai lokasi tepat seperti alamat dan koordinat serta bukti bergambar atau video yang menunjukkan kejadian, nombor plat kenderaan, individu terlibat dan sebagainya,” katanya.

BERNAMA

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**